

NOTIS PENTING BERTARIKH 10 MAC 2026
NOTIS PINDAAN BAGI TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT AKAUN
CIMB BANK BERHAD DAN CIMB ISLAMIC BANK BERHAD

Pelanggan yang dihargai,

Terma dan syarat yang mengawal akaun-akaun CIMB Bank Berhad [197201001799] ("**CIMB Bank**") dan CIMB Islamic Bank Berhad [(200401032872)] ("**CIMB Islamic**") yang berikut telah dipinda untuk mengemas kini klausa yang berkaitan dengan Akaun Semasa/-i dan Akaun Simpanan/-i. Pindaan-pindaan akan berkuat kuasa pada 1 April 2026.

CIMB Bank

1. Akaun Semasa
2. Akaun Simpanan

CIMB Islamic

1. Akaun Semasa-i
2. Akaun Simpanan-i

Untuk memudahkan rujukan, penjadualan klausa-klausa Terma dan Syarat yang dipinda/disemak semula dinyatakan dalam jadual di bawah.

Sila layari laman sesawang kami di www.cimb.com.my untuk salinan pindaan Terma dan Syarat.

Terima kasih.

Pengurusan
CIMB Bank Berhad
CIMB Islamic Bank Berhad

NOTIS PENTING BERTARIKH 10 MAC 2026
Jadual: Penjadualan klausa yang dipinda/disemak semula

No.	Nama Produk	Klausa Sedia ada	Semakan/ Pindaan/Klausa Baru
	CIMB Bank Berhad		
1.	Akaun Semasa	<u>Klausa 1.4</u> 1.4 Bank boleh membuat keputusan berkenaan jumlah minimum yang perlu didepositkan untuk membuka Akaun Semasa. Jumlah minimum yang perlu didepositkan untuk membuka Akaun Semasa Asas dan/atau Akaun Semasa Asas Senior adalah RM500. Walau bagaimanapun, Bank boleh mengubahnya pada bila-bila masa. <u>Klausa 1.5</u> 1.5 Bank akan mengenakan caj perkhidmatan pada Akaun Semasa pada bulan Jun dan Disember setiap tahun jika baki purata dalam akaun tersebut kurang daripada RM1,000 <u>Klausa 1.9</u> 1.9 PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KHAS YANG TERPAKAI BAGI AKAUN SEMASA ASAS SAHAJA 1.9.1 AKAUN SEMASA ASAS 1.9.1.1 Pemegang akaun Akaun Semasa Asas boleh menjalankan transaksi berikut tanpa caj: (a) kunjungan ke kaunter tanpa had; dan (b) pengeluaran melalui Mesin Juruwang Automatik ("ATM") tanpa had. Transaksi Interbank GIRO tertakluk kepada fi semasa yang terpakai bergantung kepada saluran yang digunakan untuk melaksanakan transaksi dan bilangan transaksi interbank GIRO yang dilaksanakan dalam bulan tertentu.	<u>Pindaan Klausa 1.4</u> 1.4 Bank boleh memutuskan deposit permulaan minimum yang diperlukan untuk membuka Akaun Semasa. Deposit permulaan minimum yang diperlukan untuk membuka Akaun Semasa diterbitkan di laman sesawang Bank dan dimaklumkan di cawangannya. Bank boleh mengubah jumlah deposit minimum pada bila-bila masa dengan memberi notis kepada pemohon mengikut Klausa 21 di bawah. <u>Pindaan Klausa 1.5</u> 1.5 Bank akan mengenakan fi perkhidmatan ke atas Akaun Semasa pada bulan Jun dan Disember setiap tahun jika baki purata dalam akaun tersebut kurang daripada RM1,000 dalam tempoh setengah tahun yang berkaitan. Fi yang dikenakan akan diterbitkan di laman sesawang Bank dan dimaklumkan di cawangannya. <u>Pindaan Klausa 1.9</u> Klausa ini telah dikeluarkan kerana ia tidak lagi terpakai berkuat kuasa 1 April 2026.

2.	Akaun Simpanan	<u>Klausa 1.4</u> 1.4 Bank boleh membuat keputusan berkenaan jumlah minimum yang perlu didepositkan untuk membuka Akaun Simpanan dan jumlah minimum yang perlu dikekalkan di dalam Akaun Simpanan. Jumlah minimum yang perlu didepositkan untuk membuka dan mengekalkan Akaun Simpanan Asas dan/atau Akaun Simpanan Asas Senior adalah RM20. Walau bagaimanapun, Bank boleh mengubahnya pada bila-bila masa. <u>Klausa 1.7</u> 1.7 PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KHAS YANG TERPAKAI BAGI AKAUN SIMPANAN ASAS SAHAJA 1.7.1 AKAUN SIMPANAN ASAS 1.7.1.1 Pemegang akaun Akaun Simpanan Asas boleh menjalankan transaksi berikut tanpa caj: a. enam (6) kunjungan ke kaunter; dan b. lapan (8) pengeluaran melalui Mesin Juruwang Automatik ("ATM"). Transaksi Interbank GIRO tertakluk kepada fi semasa yang terpakai bergantung kepada saluran yang digunakan untuk melaksanakan transaksi dan bilangan transaksi interbank GIRO yang dilaksanakan dalam bulan tertentu. 1.7.2 AKAUN SIMPANAN ASAS SENIOR 1.7.2.1 Pemegang akaun Akaun Simpanan Asas Senior boleh menjalankan sehingga enam belas (16) kunjungan ke kaunter sebulan tanpa caj. Kunjungan ke kaunter yang melebihi yang disebutkan di atas akan tertakluk kepada fi dan caj semasa yang ditentukan oleh Bank, bergantung pada sifat transaksi yang dijalankan. 1.7.2.2 Pemegang Akaun Simpanan Asas Senior tidak akan dikeluarkan dengan Kad Debit.	<u>Pindaan Klausa 1.4</u> 1.4 Bank boleh memutuskan deposit permulaan minimum yang diperlukan untuk membuka Akaun Simpanan. Deposit permulaan minimum yang diperlukan untuk membuka Akaun Simpanan diterbitkan di laman sesawang Bank dan dimaklumkan di cawangannya. Bank boleh mengubah jumlah deposit minimum pada bila-bila masa dengan memberi notis kepada pemohon mengikut Klausa 19 di bawah. <u>Pindaan Klausa 1.7</u> 1.7 PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KHAS YANG TERPAKAI BAGI AKAUN SIMPANAN ASAS SENIOR SAHAJA 1.7.1 AKAUN SIMPANAN ASAS SENIOR 1.7.1.1 Kad Debit tidak akan dikeluarkan kepada pemegang Akaun Simpanan Asas Senior.
CIMB Islamic Bank Berhad			
1.	Akaun Semasa-i	<u>Klausa 2.4</u> 2.4 Bank boleh membuat keputusan tentang jumlah minimum yang perlu didepositkan untuk membuka Akaun Semasa-i. Kini, jumlah minimum yang perlu didepositkan untuk membuka Akaun Semasa Asas-i dan/atau Akaun Semasa Asas Senior-i adalah RM500.	<u>Pindaan Klausa 2.4</u> 2.4 Bank boleh memutuskan deposit permulaan minimum yang diperlukan untuk membuka Akaun Semasa-i. Deposit permulaan minimum yang diperlukan untuk membuka Akaun Semasa-i diterbitkan di laman sesawang Bank dan dimaklumkan di cawangannya. Bank boleh mengubah jumlah deposit minimum pada bila-bila

		Bank boleh bagaimanapun mengubahnya pada bila-bila masa. <u>Klausa 2.5</u> 2.5 Bank akan mengenakan caj perkhidmatan pada Akaun Semasa-i pada bulan Jun dan Disember setiap tahun jika baki purata dalam akaun tersebut kurang daripada RM1,000 dalam tempoh setengah tahun. <u>Klausa 2.8</u> 2.8 PERUNTUKAN KHUSUS YANG TERPAKAI KEPADA AKAUN SEMASA ASAS-i SAHAJA 2.8.1 AKAUN SEMASA ASAS-i 2.8.1.1 Pemegang akaun Akaun Semasa Asas-i boleh menjalankan transaksi berikut tanpa caj: (a) kunjungan ke kaunter tanpa had; dan (b) pengeluaran melalui Mesin Juruwang Automatik ("ATM") tanpa had. Transaksi Interbank GIRO adalah tertakluk kepada fi terpakai semasa bergantung pada saluran yang digunakan untuk melaksanakan transaksi dan bilangan transaksi interbank GIRO yang dilaksanakan dalam bulan tersebut.	masa dengan memberi notis kepada pemohon mengikut Klausa 22 di bawah. <u>Pindaan Klausa 2.5</u> 2.5 Bank akan mengenakan fi perkhidmatan ke atas Akaun Semasa-i pada bulan Jun dan Disember setiap tahun jika baki purata dalam akaun tersebut kurang daripada RM1,000 dalam tempoh setengah tahun yang berkaitan. Fi yang dikenakan akan diterbitkan di laman sesawang Bank dan dimaklumkan di cawangannya. <u>Pindaan Klausa 2.8</u> Fi yang dikenakan diterbitkan di laman sesawang Bank dan dimaklumkan di cawangannya.
2.	Akaun Simpanan-i	<u>Klausa 2.5</u> 1.5 Bank boleh membuat keputusan tentang jumlah minimum yang perlu didepositkan untuk membuka Akaun Simpanan-i dan deposit minimum yang diperlukan untuk mengekalkannya bergantung kepada jenis Akaun Simpanan-i yang dibuka. Kini, jumlah minimum yang perlu didepositkan untuk membuka dan mengekalkan Akaun Simpanan Asas Senior-i dan/atau Akaun Simpanan Asas-i adalah RM20. Bank bagaimanapun boleh mengubahnya pada bila-bila masa. <u>Klausa 2.8</u> 2.8.1 PERUNTUKAN KHUSUS YANG TERPAKAI KEPADA AKAUN SIMPANAN ASAS-i SAHAJA 2.8.1 AKAUN SIMPANAN ASAS-i 2.8.1.1 Pemegang akaun Akaun Simpanan Asas-i boleh menjalankan transaksi berikut tanpa caj:	<u>Pindaan Klausa 2.5</u> 1.5 Bank boleh memutuskan deposit permulaan minimum yang diperlukan untuk membuka Akaun Simpanan-i. Deposit permulaan minimum yang diperlukan untuk membuka Akaun Simpanan-i diterbitkan di laman sesawang Bank dan dimaklumkan di cawangannya. Bank boleh mengubah jumlah deposit minimum pada bila-bila masa dengan memberi notis kepada pemohon mengikut Klausa 22 di bawah. <u>Pindaan Klausa 2.8</u> 2.8.1 PERUNTUKAN KHUSUS YANG TERPAKAI KEPADA AKAUN SIMPANAN ASAS SENIOR-i SAHAJA 2.8.1 AKAUN SIMPANAN ASAS SENIOR-i 2.8.1.1 Kad Debit tidak akan dikeluarkan kepada pemegang Akaun Simpanan Asas Senior-i.

		(a) kunjungan ke Kaunter enam (6) kali; dan (b) pengeluaran melalui Mesin Juruwang Automatik ("ATM") lapan (8) kali setiap bulan. Transaksi Interbank GIRO adalah tertakluk kepada fi terpakai semasa bergantung pada saluran yang digunakan untuk melaksanakan transaksi dan bilangan transaksi interbank GIRO yang dilaksanakan dalam bulan tersebut. 2.8.1.2 Transaksi di Akaun Simpanan Asas-i yang melebihi di atas akan tertakluk kepada fi dan caj semasa pada masa itu yang ditentukan oleh Bank melainkan pemegang akaun memilih untuk membayar fi tahunan seperti yang ditetapkan oleh Bank. 2.8.2 AKAUN SIMPANAN ASAS SENIOR-i 2.8.2.1 Pemegang akaun Akaun Simpanan Asas Senior-i boleh melakukan kunjungan ke kaunter sehingga enam belas (16) kali sebulan tanpa caj. Kunjungan ke kaunter melebihi di atas akan tertakluk kepada fi dan caj semasa pada masa itu yang ditentukan oleh Bank, bergantung pada sifat transaksi yang dilaksanakan. 2.8.2.2 Pemegang akaun Akaun Simpanan Asas Senior-i tidak akan dikeluarkan dengan kad debit.	
--	--	---	--